

# THE TITAN



*Industry View*

PERKEMBANGAN  
INDUSTRI  
KECANTIKAN

# ADDAR

## RAHSIA KECANTIKAN WAJAH

NORHASLINDA ROSLI

24 APRIL 2022 | BIL: 05

[www.richworks.com](http://www.richworks.com)

RICHWORKS™

Di Sini Lahirnya  
Usahawan Jutawan

**TITAN**



# SEHARI SATU PARCEL.

**S**ehari satu parcel sahaja yang dihantar kepada pelanggan.

Pasti situasi yang amat membimbangkan buat sesiapa sahaja bangsa usahawan apabila produk yang dijual kurang mendapat sambutan.

Beliau akhirnya terpaksa mencongak baki wang yang tinggal untuk meneruskan kehidupan dan bertahan dalam satu tempoh sekiranya barang dijual masih tiada sambutan.

Itu situasi yang pernah dilalui oleh pengasas Addar Global Sdn Bhd, Norhaslinda Rosli.

Mengulas lanjut, Norhaslinda menegaskan produk atau perkhidmatan mesti menonjol dan dilihat oleh pelanggan.

Katanya, ketika itu beliau berdepan cabaran apabila stoknya tidak terjual walaupun hanya ribuan unit sahaja.

"Puncanya mudah, saya tiada ilmu berkaitan perniagaan dalam talian, pemasaran dan pengurusan menyebabkan stok hanya 1,000 unit ambil masa dua tahun untuk dijual.

"Ketika menyertai program teknik pemasaran Millionaire Marketing Mastery (MMM), saya



TEAM ADDAR BEAUTY

masih ingat kata-kata Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr Azizan Osman menekankan bahawa produk mesti buat pelanggan nampak dan diwar-warkan.

"Waktu itu Dr Azizan beri contoh, dalam ramai-ramai peserta, bagaimana nak buat saya (Dr Azizan) nampak, adakah perlu melompat atau apa-apa tindakan lain yang membuatkan orang nampak anda, begitu juga dengan produk," jelasnya.

## KEK DAN PERHOTELAN

Mungkin ramai yang tak tahu wanita hebat ini, pernah bekerja dalam industri perhotelan dan perniagaan pertama adalah membuat kek.

"Kemudian, daripada perniagaan kek barulah saya memulakan perniagaan produk kecantikan jenama Addar Beauty," katanya.

Selain berdepan cabaran stok terjual perlahan,

beliau juga menyimpan kisah pernah ditipu.

"Saya juga pernah ditipu dengan individu yang kononnya hendak membantu perniagaan dengan menawarkan perkhidmatan pemasaran, tetapi langsung tidak mendatangkan hasil.

"Duit pula semakin habis dan tiada pulangan diperolehi, apatah lagi keuntungan. Keadaan semakin lama semakin mencabar," ujarnya.

## BERLAKU KEAJAIBAN ATAU TIDAK

Sedar akan kelemahan diri dan tak mahu perniagaan yang diusahakan gulung tikar beliau mengambil keputusan menyertai kelas anjuran RichWorks.

Pada Oktober tahun 2015, beliau mengambil keputusan menyertai program Intensif Magnet Kekayaan dan Kejayaan (IMKK).

# **APA YANG MEMBUATKAN SAYA TERUJA, RICHWORKS JUGA SENTIASA MEMBERI SOKONGAN BERTERUSAN UNTUK PASTIKAN KITA SENTIASA BERADA DI LANDASAN YANG BETUL DAN TIDAK TERGELINCIR.”**


“Lepas itu saya beranikan diri lagi, dengan sisa-sisa duit yang saya ada, itulah ngam-ngam dalam akaun, saya daftar kelas MMM, petang sebelum kelas itu baru saya bayar.


“Saya memang tak ada duit lagi dah, saya siap tanya adakah something miracle will be happen tak, sebab saya betul-betul tak tahu apa yang perlu saya buat,” ujarnya.

Setelah enam bulan mendapat tunjuk ajar daripada Dr Azizan, jualan produknya meningkat sedikit demi sedikit.

“Dapat antara RM30,000 hingga RM50,000 sebulan. Masa tu saya rasa, saya dah cukup hebat dah.

“Saya tinggalkan RichWorks dalam masa tempoh dua tahun 2017 dan 2018,” ujarnya.





## JUALAN STUCK

Namun, beliau mengalami hasil jualan yang statik dan tidak berlaku peningkatan.

"Jualan saya juga tak boleh naik, hanya sekitar RM50,000 dan RM60,000 sahaja tak boleh pergi lebih daripada itu," katanya lagi.

Tidak mahu perniagaannya tersekat, beliau mengambil keputusan untuk menyertai semula program anjuran RichWorks pada 2019 dan kini berada dalam program Mentoring Titanium.

"Saya membuat keputusan menyertai circle Titan kerana hasil jualan agak statik dan saya hendak pecahkan rekod dengan mencapai jualan RM1 juta sebulan.

"Namun saat yang lebih manis, di sinilah bermulanya detik kejayaan saya sehingga tertubuhnya Addar Global Sdn Bhd walaupun pada awalnya saya sendiri tidak berapa yakin dengan kemampuan sendiri," ujarnya.

Tambahnya, turut berlaku perubahan dalam pengurusan masa, simpanan, jumlah pendapatan dan keinginan berbelanja membeli barang idaman.

"RichWorks lebih banyak pengalaman dan tahu apa masalah serta tahu strategi sesuai mengikut perniagaan masing-masing serta bagaimana untuk melonjak hasil jualan yang tinggi untuk semua peserta.

"Apa yang membuatkan saya teruja, RichWorks juga sentiasa memberi sokongan berterusan

untuk pastikan kita sentiasa berada di landasan yang betul dan tidak tergelincir.

"Malahan, ilmu yang diajar RichWorks juga menyeluruh dan bukan hanya terhad kepada pemasaran semata-mata, tetapi pengurusan, akaun, teknikal dan segala yang berkaitan dengan perniagaan," jelasnya.

## PENCAPAIAN

"Kini 40,000 unit boleh dijual dalam masa sebulan. Dulu bermula dengan tiga pekerja, sekarang berkembang kepada 65 pekerja, memiliki Wisma Addar, mampu memiliki rumah bernilai 5.6 juta dan memiliki aset simpanan lebih 6 juta.

"Alhamdulillah, saya juga seronok apabila dapat berkongsi rezeki dan menyumbang lebih banyak kepada masyarakat," katanya lagi.

Pada tahun 2020 jualan mencecah RM4.7 juta.

Jumlah itu terus menunjukkan peningkatan sehingga adakalanya nilai jualan sehari pernah mencapai RM80 ribu dan RM1.6 juta dalam tempoh sebulan.

Pada tahun 2021 pula, jualan mencatatkan RM16.6 juta dan mensasarkan jualan RM30 juta pada tahun 2022.

"Selain itu, saya sangat bersyukur kerana mampu membeli kereta idaman yang sebelum ini hanya mampu dilihat sahaja," kongsinya.





## PESANLINDA

**PERTAMA**, bermula perlu ada ilmu dan fokus.

“Kalau baru mula bermula tak ada langsung ilmu, paling penting perlu dapatkan ilmu dahulu.

“Usahawan yang baru hendak bermula atau memang sudah bermula perlu fokus dan menguruskan perniagaan dengan serius,” katanya.

**KEDUA**, produk atau perkhidmatan yang ditawarkan mesti diketahui orang ramai.

“Benda paling penting adalah cara kita memasarkan dan memperkenalkan produk kita untuk orang di luar lebih tahu kewujudan produk kita.

“Kalau kita ada produk tetapi orang tak tahu kewujudan kita di atas muka bumi ini memang susahlah,” ujarnya.

**KETIGA**, memperkenalkan produk menerusi ‘zero kos marketing’.

“Bila kita dikenali senang untuk kita jual. Langkah demi langkah susun strategi agar perjalanan perniagaan lebih mudah.


“Lebih baik menjalankan aktiviti perniagaan tanpa modal dahulu seperti dropship. Tidak kira perniagaan apa sekalipun, buatlah sesuatu yang kita suka dengan penuh keazaman sehingga memberi hasil terbaik,” jelasnya.

**KEEMPAT**, bangsa usahawan perlu jelas hala tuju perniagaan.

“Kita perlu tahu ke mana hala tuju perniagaan kita. Adakah semata-mata mahu mengisi masa lapang atau kita ada visi serta misi yang lebih besar untuk perniagaan kita?” soalnya. ●



RICHWORKS SIGNATURE PROGRAM



# BUSINESS META**M**RPHOSIS BOOTCAMP

BUSINESS | MARKETING | LEADERSHIP

**Formula Proven Success Results Hasil Bimbingan  
RichWorks Mentorship Telah Berjaya Lahirkan Lebih  
350 Usahawan Jutawan Pada Tahun 2020-2021.**

Program ini bukan untuk semua orang. Hanya untuk mereka yang ada perniagaan dan betul-betul serius nak dibimbing bina bisnes untuk capai matlamat nak Grow bisnes dalam tempoh masa 6-24 bulan.

3-5 JUN 2022

**DAFTAR SEKARANG!**

[richworks.com/bmb](http://richworks.com/bmb)



# PERKEMBANGAN INDUSTRI KECANTIKAN

**I**ndustri kecantikan di Malaysia berkembang pesat malah mendapat sambutan daripada orang ramai bukan saja dalam negara malah ada telah sampai ke luar negara.

Pengusaha industri ini berperanan dalam menyediakan produk atau perkhidmatan secara profesional.

## POTENSI INDUSTRI

Jumlah eksport kosmetik Malaysia adalah sebanyak RM796.9 juta dalam tempoh lapan bulan pertama 2017.

Pada 2016, jumlah eksport kosmetik Malaysia adalah bernilai RM1.25 bilion, naik sebanyak 1.4 peratus berbanding dengan 2015.

Dalam masa sama, Malaysia turut berhasrat menjadi peneraju dan pusat kecemerlangan kecantikan serantau, sejajar potensi besar ditawarkan industri itu.

Menurut Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Awang Hashim pada hujung Mac lalu, bagi mencapainya kerajaan dan peserta industri membangunkan program latihan kemahiran bagi melahirkan tenaga kerja berkualiti dengan penggunaan teknologi dan inovasi.

Merealisasikan hasrat itu, kementeriannya menerusi Jabatan Pembangunan Kemahiran memeterai perjanjian persefahaman dengan Persatuan Industri Kecantikan Moden Malaysia.

Kedua-dua pihak akan berkongsi kepakaran dan amalan terbaik, selain menambahbaik piawaian dan akreditasi bagi industri berkenaan.

Moga usaha ini akan diper mudahkan dan berjalan dengan lancar mengikut perancangan yang ditetapkan.

## JALAN SINGKAT

Bagaimanapun, terdapat pihak tak bertanggungjawab menggunakan bahan-bahan terlarang yang boleh mendatangkan mudarat buat pengguna.

Meskipun ghairah untuk nak mendapatkan jualan bagi usahawan, mereka tak boleh ambil mudah kerana ia melibatkan kesan langsung kepada pengguna-pengguna.

Bagi pengguna pula yang nak tampil lebih cantik, mereka juga perlu lebih berhati-

hati dalam memilih produk yang sesuai dan rawatan yang wajar.

Mereka boleh memeriksa kesahihan sesuatu maklumat iklan tersebut dengan pihak yang berkenaan.

Dapatkan maklumat yang secukupnya sebelum membuat keputusan untuk memilih produk yang tertentu.

Laporkan kepada pihak Bahagian Penguatkuasaan Farmasi di Kementerian Kesihatan Malaysia sekiranya mempunyai maklumat atau aduan yang berkaitan. Di pihak kerajaan pula, peraturan-peraturan berkaitan produk kecantikan sentiasa diperkemaskan dan pelbagai hebahan serta kempen telah dilakukan untuk membantu masyarakat dalam penyampaian maklumat dan nasihat yang berkaitan.

Tindakan penguatkuasaan juga telah diambil ke atas syarikat yang melanggar peraturan dan menjual produk-produk yang boleh memudaratkan penggunanya.

Orang ramai pula perlu memastikan produk kecantikan yang dibeli adalah berdaftar atau bernotifikasi dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Senarai produk yang telah dibatalkan pendaftaran, tidak berdaftar atau tidak bernotifikasi dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dan tidak dibenarkan dijual di pasaran boleh disemak di laman web [www.pharmacy.gov.my](http://www.pharmacy.gov.my). 



INTENSIF  
**MAGNET**  
KEKAYAAN &  
KEJAYAAN

SEJAK 2009

# INTENSIF **MAGNET** KEKAYAAN & KEJAYAAN

*Jalan untuk berjaya*


**Program Intensif Magnet Kekayaan & Kejayaan**  
adalah program 3 hari dan merupakan satu-satunya  
program bertaraf antarabangsa yang diinspirasikan  
oleh MenThor Usahawan Jutawan #1 Asia  
Datuk Wira Dr Azizan Osman



**DAFTAR KEJAYAAN ANDA SEKARANG!**

[richworks.com/imkk](http://richworks.com/imkk)

# Eksklusif & Terhad!



## SOLUSI BISNES & PEMASARAN DIGITAL

Panduan & strategi yang PROVEN diguna pakai ketika krisis dan cabaran pada 2020 & 2021.

Ia boleh digunakan bagi bangsa usahawan untuk berdepan pelbagai cabaran hingga mampu BANGKIT semula.

Bukan sekadar teori, tetapi praktikal sebenar dilakukan di lapangan.

**REAL PEOPLE, REAL BUSINESS,  
REAL RESULTS!**

Hanya **10,000** naskah buku ini yang merupakan HADIAH dari Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr Azizan Osman buat bangsa usahawan.

Kini hanya berbaki **3,000** lagi naskah untuk anda dapatkannya secara percuma sehingga **30 April 2022** saja selagi stok masih ada!

~~Harga Asal RM99.90 + Caj Penghantaran~~  
~~Harga Promosi RM49.90 + Caj Penghantaran~~  
**KINI ---> PERCUMA + Caj Penghantaran**



E-MAGAZINE  
UNTUK  
BANGSA  
USAHAWAN

RICHWORKS™  
THE TITAN

**PENAFIAN :** NASIHAT YANG DIBERIKAN DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA OBJKTIF, SITUASI KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA. SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI & KEPERLUAN MASING-MASING.